

HARI MINGGU PASKA

Misa Kudus Siang Hari

Kisah 10:34. 37-43; Mazmur 117:1-2. 16-17. 22-23. R/ v. 24; Kolose 3:1-4
Yohanes 20:1-9

Tema: KITA MATI DAN BANGKIT BERSAMA YESUS KRISTUS KE HIDUP BARU PASKA DALAM PEMBAPTISAN

1. Selamat hari Paska kepada kamu semua! Kita bergembira sebab Yesus Kristus sudah bangkit dari kematian! Kita gembira sebab pada malam Menjelang Paska, saudara dan saudari kita telah mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke dalam hidup baru Paska! Kita gembira sebab semalam kita telah membaharui iman dan pembaptisan kita dan kita mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke dalam hidup baru Paska!

Hari ini kita mempunyai lilin Paskal/Paska yang dinyalakan dalam santuari kita melambangkan Yesus Kristus cahaya kita! Cahaya dalam Perjanjian Baru melambangkan tiga perkara:

(i) Cahaya melambangkan iman yang mana bertentangan kepada ketidak kepercayaan iaitu kegelapan dan kebutaan.

(ii) Cahaya melambangkan kehidupan, kepuasan dan kebahagiaan yang bertentangan kepada kematian, penderitaan dan ketidak kebahagiaan.

(iii) Cahaya melambangkan kebaikan yang bertentangan kepada kejahanatan iaitu adalah kegelapan.

Lebih penting lagi, ketiga-tiga tema itu adalah berkaitan, iaitu, dengan iman kepada Allah, kita menerima kehidupan dari Allah, dan kehidupan dari Allah itu adalah kehidupan baik dan kebaikan!

Yang lebih penting, cahaya akan mengatasi kegelapan, iman akan mengatasi ketidak kepercayaan, kehidupan akan mengatasi kematian, dan kebaikan akan mengatasi kejahanatan; sebab Yesus kristus cahaya dunia telah mengatasi kejahanatan kegelapan dunia.

Dan Yesus cahaya dunia akan terus mengatasi kejahanatan kegelapan dunia melalui kuasa Roh kudus, sehingga ke akhir masa apabila cahaya akan mengatasi segala kegelapan, sepenuhnya, seutuhnya dan segenapnya! Itulah dia akhir dunia, iaitu, akhirnya dunia kejahanatan, Kedatangan Kedua kalinya Yesus Kristus, Parousia!

2. Injil hari ini memberitahu kita mengenai kebangkitan Yesus Kristus, Injil memberitahu kita bahawa Maria Magdalena telah pergi ke makam Yesus dan mendapati penutup batu yang menutup makam telah di alihkan! Dia memikir bahawa tubuh Yesus telah dibawah lari dan di berlari untuk memberitahu Petrus dan Yohanes mengenainya.

Petrus dan Yohanes berlari ke makam dan apabila masuk dalam makam Petrus melihat kain kapan berletak di atas tanah dan kain yang menutupi kepala Yesus disusun rapi dan berpisah dari kain yang lain. Erti kata makam itu bukan di rompak dan tiada yang diambil. Ia bererti Yesus Kristus telah bangkit dari kematian! Yang penting, Injil memberitahu kita bahawa Yohanes juga telah pergi ke makam dan melihat dan dia percaya! (CSB; IBC; NJBC)

3. Bacaan pertama juga memberitahu kita mengenai kebangkitan Yesus. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Petrus dan para rasul lain telah makan dan minum bersama Yesus Kristus selepas kebangkitanNya dari kematian! Yesus menghabiskan selama empat puluh hari dengan mereka selepas kebangkitanNya sebelum Dia naik kesurga! (NJB)

Tetapi yang lebih penting, bacaan pertama memberitahu kita bahwa Yesus telah memberitau Petrus supaya memberitahu orang lain mengenainya supaya mereka percaya kepada Yesus dan dosa mereka akan diampuni demi namaNya. Iaitu, di baptis dalam nama-Nya! Itulah sebabnya mengapa sejurus selepas bacaan pertama hari ini adalah "pembaptisan orang asing"! (NJB) itulah sebabnya mengapa malam semalam kita mempunyai ramai orang yang dibaptis!

4. Bacaan kedua memberitahu kita mengenai pembaptisan! (BBJ; IBC; CCB). Bacaan kedua memberitahu kita bahawa selepas pembaptisan kita harus tidak mencari perkara-perkara duniaawi, tetapi harus mencari perkara-perkara surgawi! Selepas pembaptisan kemuliaan kita belum lagi cukup, tetapi ia akan di penuhi dan disempurnakan didalam surga di mana kita akan bersama Yesus dan Allah Bapa!

Itulah sebabnya mengapa kita membaharui iman kita dan dalam pembaptisan diadalah pada setiap tahun masa Paska, sehingga suatu hari nanti kemuliaan kita akan dipenuhi pada kedatangan kerdua kalinya Yesus Kristus pada akhir zaman di surga!

5. Kita sekarang akan membaharui iman dan pembaptisan kita dengan menjawab 6 soalan; 3 menolak Setan yang mengoda kita supaya jangan percaya kepada Allah sama seperti dia mengoda Adam dan Yesus pada pembacaan Minggu Pertama Prapaska!

Selepas menjawab "Ya saya mahu" 6 kali, kita akan di rencis dengan air pembaptisan, air Roh Kudus dan kita akan mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke dalam kehidupan baru Paska, sekali lagi, Selamat Paska yang gembira kepada kamu semua! Amen!

Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:

- 1.** Adakah kamu menghadiri Triduum Paska tiga hari dengan sepenuhnya? Apakah pengalaman kamu mengenai Triduum Paska itu? Apakah ianya terlalu panjang dan membosankan? Apakah ia penuh penghormatan, membaharui dan mengalakan?
- 2.** Adakah kamu berpuasa dan tidak makan daging pada Jumaat Agung dan Sabtu Suci sehingga Malam Menjelang Paska?
- 3.** Apakah kamu percaya bahawa Paska adalah lebih penting dari Krismas? Apakah kamu mempunyai "Rumah Terbuka" Paska?
- 4.** Adakah kamu mewartakan Kabar Gembira Kebangkitan supaya semua orang akan percaya dan dibaptisa dan diselamatkan? Adakah pembaptisan di Paroki kamu tahun ini? Adakah lebih ramai di baptis tahun ini daripada tahun lepas?
- 5.** Adakah mereka yang telah dibaptis pada tahun lepas datang Misa Kudus setiap hari Minggu? Mengapakah ianya penting bahawa selepas menerima sakramen-sakramen pembaptisan dan penguatan mereka harus datang ke Misa Kudus setiap hari Minggu?
- 6.** Apakah kamu penanggung/ ibubapa? Apakah tanggung jawab seorang penanggung/ibubapa? Adakah anak yang kamu tanggung datang ke Misa Kudus setiap hari Minggu?
- 7.** Apakah ada pembaptisan dewasa, penguatan dan penerimaan Ekaristi? Adakah pembaptisan kanak-kanak? Apakah adanya pembaptisan bayi setiap bulan di paroki kamu?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia.

Rujukan: Catholic Study Bible (CSB); International Bible Commentary (IBC); New Jerome Biblical Commentary (NJBC); New Jerusalem Bible (NJB); Christian Community Bible (CCB).